



**MENEROKA PERBUALAN BERIMPLISIT DALAM FILEM-FILEM KLASIK P. RAMLEE:  
ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF**

*(Exploring Implicit Conversation in P. Ramlee's Classic Films: Inquisitive Semantic Analysis)*

Nur Ezatull Fadtehah Hedel<sup>1\*</sup>, Mary Fatimah Subet<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Malaysia.

\*Corresponding Author Email: [nurezatullfadtehah@gmail.com](mailto:nurezatullfadtehah@gmail.com)

Received: 2 June 2022 • Accepted: 16 April 2023 • Published: 31 October 2023

**Abstract**

*A film is a work of art that is used as a medium to convey an important message to society through its actions and characters that use a lot of implicit elements in conversation. The purpose of this study is to examine the film works of the great artist P. Ramlee using an inquisitive semantic approach from the field of pragmatics that emphasizes the interpretation of meaning. Therefore, this study applies the inquisitive semantic approach introduced by Jalaluddin (2014) aided by the Relevance Theory by Sperber and Wilson (1986, 1995) and cross reference frame to uncover the implicit conversations in P. Ramlee's films especially to discover their philosophies and common sense. This study found that there are elements of Malay society's thinking and intellect in the implicit conversations and each lexical item has its own reason for being used in the films.*

**Keywords:** *Classic Film; Dialogue; Implicit; Inquisitive Semantics, Theory Relevance*

**Abstrak**

Filem merupakan karya seni yang dijadikan medium untuk menyampaikan mesej penting kepada masyarakat melalui lakonan dan watak-wataknya yang kebanyakannya menggunakan unsur implisit dalam perbualan. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mengkaji karya filem seniman agung P. Ramlee dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014) dan dibantu oleh teori relevans daripada Sperber dan Wilson (1986, 1995) dan Rangka Rujuk Silang (RRS) untuk menyingkap perbualan

berimplisit dalam filem-filem P. Ramlee khususnya sehingga menemui falsafah dan akal budi. Hasil kajian mendapati terdapat unsur pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam perbualan berimplisit dan setiap leksikal mempunyai alasan tersendiri untuk digunakan dalam filem-filem tersebut.

**Kata kunci:** Dialog; Filem Klasik; Implisit; Semantik Inkuisitif; Teori Relevans

**Cite as:** Hedel, N.E.F., & Subet, M.F. (2023). Exploring Implicits Conversation in P. Ramlee's Classic Films: Inquisitive Semantics Analysis. *Asian People Journal*, 6(2), 20-34.

## PENGENALAN

Filem merupakan hasil karya seni yang bermula daripada idea yang diterjemah dalam bentuk bertulis, kemudian diolah dalam bentuk dialog dan akhirnya dipersembahkan dalam bentuk visual dan bunyi oleh para pelakon yang berbakat besar. Filem sangat popular suatu ketika dahulu dan perkara ini dapat dibuktikan melalui hasil karya seni P. Ramlee menerusi filem-filem lakonan dan arahnya iaitu filem bergenre Melayu klasik. Kajian Abd Kadir dan Hamzah (2017) menjelaskan bahawa kebanyakan filem suatu ketika dahulu menekankan unsur berimplisit seperti menggunakan bahasa berkias bagi mengekalkan keaslian, identiti kehalusan, kebijaksanaan dan kesantunan budi bahasa masyarakat Melayu bagi menjadikan filem Melayu klasik lebih menarik untuk diterokai dengan lebih mendalam.

Umum mengetahui bahawa P. Ramlee merupakan seorang seniman agung yang berbakat besar tidak kira dalam bidang lakonan, arahan filem, nyanyian, gubahan dan penciptaan lagu serta beliau juga seorang pelawak dan penari yang tersohor. Antara filem-filem beliau yang tidak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas ialah Bujang Lapok, Seniman Bujang Lapok, Pendekar Bujang Lapok, Masam-Masam Manis dan banyak lagi yang sarat dengan mesej penting untuk disampaikan kepada masyarakat. Maka, filem-filem Melayu klasik ini perlu dipelihara keasliannya kerana merupakan khazanah dan aset berharga milik negara. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji filem-filem Melayu klasik khususnya filem-filem P. Ramlee dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif daripada bidang pragmatik yang menekankan pentafsiran makna. Dua objektif telah ditetapkan iaitu (1) mengenal pasti ujaran dalam karya filem P. Ramlee yang mengandungi unsur implisit dan (2) menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam filem P. Ramlee.

## SOROTAN KAJIAN

Terdapat banyak kajian lepas telah mengkaji menggunakan pendekatan semantik dan pragmatik iaitu dua bidang daripada disiplin linguistik yang mengkaji makna. Terdapat juga kajian yang menggunakan data filem untuk mengesan makna implisit dalam dialog-dialog filem dan terdapat juga kajian yang menganalisis makna menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Implikatur merupakan sesuatu yang tersirat dalam perbualan manakala, semantik inkuisitif pula merupakan satu kajian mentafsir makna berdasarkan data, teori, kognitif dan falsafah demi mencungkil sehingga ke akal budi penuturnya. Setelah diperhalus dengan lebih mendalam, terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji implikatur dalam filem-filem Melayu klasik di Malaysia, mengkaji filem-filem P. Ramlee dan mengkaji berkaitan semantik inkuisitif.

Terdapat pengkaji lepas telah mengkaji implikatur dalam filem Melayu klasik seperti Kajian Abd Kadir dan Hamzah (2017) yang telah meneliti ucapan tersirat filem klasik Sri Mersing dengan menggunakan teori relevans. Teori Relevans mengandungi tiga konsep penting iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses bagi memperlihat tahap kerelevanan sesuatu ujaran berdasarkan usaha memproses yang rendah. Hasil kajian filem tersebut adalah ucapan tersirat yang dikenal pasti di dalam filem tersebut memenuhi ketiga-tiga konsep TR. Manakala, kajian Syed Azmy (2018) pula meneliti filem Puteri Gunung Ledang (PGL) dengan mengenal pasti penggunaan dialog berimplikatur dan melakukan penyampaian mesej secara tidak langsung berdasarkan filem tersebut. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa jenis implikatur diterapkan dalam filem PGL antaranya bahasa kiasan, pantun, *beating about the bush* (buat cerita lain) dan *surrogate* (pengganti/perantara). Bahasa kiasan yang digunakan dalam kajian ini juga terdiri daripada kiasan jenis peribahasa seperti simpulan bahasa, perumpamaan dan bidalan manakala kiasan bukan peribahasa digunakan seperti hiperbola dan metafora. Contohnya seperti “mengharap cinta yang menggunung”, “merentas samudera membelah gunung”, “titik darah penghabisan” dan banyak lagi. Penggunaan implikatur tersebut dapat menzahirkan pernyataan tindakan atau perasaan oleh individu secara berkesan dan bersungguh-sungguh.

Di samping itu, terdapat banyak kajian yang telah mengkaji berkaitan dengan filem-filem P. Ramlee seperti kajian Abdullah dan Zainudin (2021) yang melihat isu sosial, ekonomi dan politik, kajian Kamarudin dan Bahrain (2021) yang mengetengahkan isu keagamaan, kajian Sagkif Shek dan Md. Dawam (2020) yang melihat kepada tarian yang digunakan dalam filem, kajian Mohammad dan Saidi (2021) pula melihat kepada ragam bahasa filem Seniman Bujang Lapok dan banyak lagi. Salah satu kajian filem P. Ramlee juga ialah kajian Gerimis: Penggunaan filem Tan Sri P. Ramlee sebagai kajian kes dalam kursus Komunikasi Antara Budaya di Universiti Sains Malaysia (USIM) oleh Pillai (2017). Kajian tersebut menggunakan teori Akulturasi dan Dekulturasi oleh Kim (2008) dan mengikut empat fungsi filem yang digariskan oleh Champoux (1999). Contohnya, pengkaji menghurai akulturasi dan dekulturasi yang berlaku dalam filem tersebut melalui beberapa adegan, salah satunya Leela terlalu cintakan Kamal dan sanggup memeluk agama Islam. Perwatakan Leela juga berubah iaitu pada mulanya memakai baju Punjabi dan sari kemudian setelah berkahwin, Leela sering memakai baju kebaya. Hasil kajian mendapati apabila akulturasi dan dekulturasi berlaku, maka, perubahan dapat dilihat dari segi fizikal. Tambahan pula, terdapat ramai pengkaji lepas turut mengkaji menggunakan semantik inkuisitif sebagai tatacara menganalisis data seperti kajian peribahasa, simpulan bahasa, bahasa kiasan, lagu, cerita rakyat, motif pembelajaran dan corak. Antara pengkaji yang telah mengkaji menggunakan pendekatan SI ialah Murthy, Subet dan Daud (2019a, 2019b, 2019c), Nopiah, Jalaluddin dan Kasdan (2017, 2018), Ho dan Jalaluddin (2019), Hermandra et al., (2022), Hedel dan Subet (2020, 2021) dan banyak lagi. Contohnya kajian cerita rakyat daripada Hedel dan Subet (2021) yang mengkaji genre perbualan aneh dalam cerita rakyat “Hikayat Nakhoda Muda” dengan menggunakan SI oleh Jalaluddin (2014), Teori Relevans daripada Sperber dan Wilson (1986, 1995) dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Objektif kajian tersebut ialah mengenal pasti genre perbualan yang memaparkan tingkah laku aneh yang menyalahi norma-norma kehidupan dan menganalisis perbualan aneh tersebut menggunakan semantik inkuisitif (SI). Hasil kajian mendapati setiap leksikal digunakan mempunyai makna yang tersendiri dan perlu dikupas dengan lebih mendalam menggunakan pendekatan SI.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan reka bentuk deskriptif dan analisis kandungan. Pengkaji telah menggunakan data primer iaitu data berbentuk teks daripada transkripsi perbualan filem P. Ramlee dan data

sekunder iaitu melalui artikel atau jurnal yang diakses daripada laman sesawang untuk menyokong data primer. Terdapat 16 buah filem P. Ramlee yang dikategorikan sebagai filem paling popular hasil carian Google, namun lima filem P. Ramlee yang mendapat jumlah tontonan yang paling tinggi di aplikasi *YouTube* sahaja dipilih. Kajian ini hanya membataskan dua data perbualan berimplisit daripada setiap filem yang dikaji. Menurut Liamputtong (2014), saiz sampel yang kecil sudah mencukupi asalkan sampel berkenaan memenuhi kriteria pensampelan. Jumlah tontonan diambil sehingga 28/12/2021 sahaja. Antara lima filem yang dipilih ialah “Ali Baba Bujang Lapok”, “Tiga Abdul”, “Nasib Do Re Mi”, “Pendekar Bujang Lapok, dan “Seniman Bujang Lapok”. Namun kertas kerja ini hanya membincangkan data filem Ali Baba Bujang Lapok sebagai sampel kajian. Data-data perbualan berimplisit filem-filem P. Ramlee dianalisis dengan menggunakan tiga tahap iaitu semantik skrip (SS), semantik resonans (SR) dan semantik inkuisitif (SI) (Jalaluddin, 2014).

Pada tahap analisis SS, pengkaji hanya memberikan maksud secara harfiah atau literal sahaja iaitu data pada peringkat ini sedia diketahui umum. Pada tahap analisis SR pula, pengkaji mula mengaitkan data dengan teori relevans (TR) sebagai medium untuk mencapai SI. Aplikasi TR digunakan kerana menekankan prinsip ujaran bersifat jelas iaitu mudah difahami oleh pendengar supaya ujaran berimplisit tidak digunakan. Oleh itu, TR penting kerana ujaran bergantung kepada konteks, kesan kognitif dan usaha memproses bagi melihat tahap kerelevanan sesuatu ujaran (Md Nasir, 2019, 2020). Pada tahap ini juga mengapliaksi Rangka Rujuk Silang (RRS) merupakan subkonsep TR. Seterusnya pada tahap analisis terakhir iaitu SI, pengkaji mentafsir data sehingga meneroka ke falsafah dan menjawab persoalan “kenapa” leksikal tertentu digunakan serta mengaitkan dengan pelbagai bidang. Umum mengetahui bahawa SI merupakan bidang multidisiplin yang tidak terhad kepada satu bidang sahaja malah melibatkan beberapa bidang lain atau budaya tertentu bagi memperoleh jawapan yang konkrit.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati kebanyakan filem-filem P. Ramlee bergenre komedi yang berimplisit bagi menyampaikan sesuatu mesej penting kepada masyarakat supaya sama-sama berfikir berkenaan mesej sebenar yang cuba diketengahkan sehingga wujudnya implikatur dalam perbualann. Jadual 12 berikut menunjukkan perbualan berimplisit yang dikesan dalam filem-filem P. Ramlee yang terpilih.

Jadual 1: Tajuk filem dan data bagi perbualan berimplisit dalam filem-filem P. Ramlee yang dikaji.

Tajuk Filem	Data (perbualan berimplisit dalam filem)
Ali Baba Bujang Lapok (1961)	<b>Ali Baba:</b> Sudahlah kanda, janganlah menangis. Kanda bukan tak tahu sudah berapa tahun saya tak nangis. Hu...hu...hu... Norsiah, bawaklah mayat ni ke atas.
	<b>Ali baba:</b> Pelan-pelan (2x) Marjina! Marjina! Marjina, kanda kassim baba sudah mati. Sekarang kau pergi cari tukang jahit. Untuk <i>jahit mayat</i> Kassim Baba. Lekas! Kalau dia tidak mau, berikan wang ini. Lekas.
	<b>Marjina:</b> Baik, tuan
	<b>Penjual sayur:</b> Assalamualaikum! Cik siti mau beli apa? <b>Marjina:</b> Saya mau beli <i>belacan</i> ... <b>Penjual sayur:</b> Syissss! Jangan cakap kuat-kuat. Nanti polis tangkap sama saya. <b>Mardina:</b> jual belacan pun polis tangkap.

	<p><b>Penjual sayur:</b> Benar cik siti. Jual <i>candu</i> ada lesen. Jual <i>ganja</i> ada lesen. Tetapi jual belacan tak ada lesen. Saya <i>semungglar</i> dari Malaya.</p> <p><b>Marjina:</b> Hmm...</p>
Seniman Bujang Lapok (1961)	<p><b>Ramli:</b> Hmm, Cik Salmah malam ini kita boleh jumpa tak di bawah pokok?</p> <p><b>Salmah:</b> Tengoklah!</p> <p><b>Ramli:</b> Tengok ya?</p> <p><b>Aziz:</b> Hoi, Ramli, nak cari kerja ke, nak <i>jual minyak</i>?</p> <p><b>Sudin:</b> Minyak apa?</p> <p><b>Aziz:</b> Minyak urat</p> <p><b>Ramli:</b> Cik Salmah, hmm, malam ni kalau tak... bolehpun bikinlah sampai boleh, ya?</p> <p><b>Kus:</b> Peduli apa gaduh? Hoi, kau fikir bilik ini bapak kau bayar sewa ka?</p> <p><b>Aziz:</b> Bilik ini pun bukan bapak kau bayarlah! Tapi timbang rasa sikitlah. Sama jiran sebelah-menyebelah.</p> <p><b>Kus:</b> Kalau kau tak mahu bising-bising kau pindahlah <i>belakang hospital</i>.</p> <p><b>Sudin:</b> Allah!</p>
Pendekar Bujang Lapok (1959)	<p><b>Kemat:</b> bila jatuh dia nak bangun ni, bila dia bangun dia nak lawan pulak. Apa lagi aku tak kasi <i>chance</i> la. Aku pun tumbuk muka dia.</p> <p><b>Wak Mustar:</b> Pakcik elak. Sekali pakcik tepis kakinya. Kedebab... dia jatuh.</p> <p><b>Kemat:</b> Macam nangka da aku kena. Sekali Rapi datang terkam, Rapi masuk terajang Siam...pulang.</p> <p><b>Wak Mustar:</b> Pakcik keluar Kunci Kelantan. Dia tersepit. Satu kali pakcik syabat kepalanya, ting... Berpusing.</p> <p><b>Kemat:</b> macam gasing da... Rapi kena. Sekali aku dapatkan <i>chance</i>, aku gigit telinganya.</p> <p><b>Wak Mustar:</b> aduh! Pakcik menjerit.</p> <p><b>Kemat:</b> sekali kami tangkap macam rimau.</p> <p><b>Wak Mustar:</b> <i>Pakcik tendang macam tikus</i>.</p> <p><b>Ramli/Aziz/Sudin:</b> ikh...ikh...ikh... Apa jadi pakcik?</p> <p><b>Wak Mustar:</b> Dia pengsan</p> <p><b>Wak Mustar:</b> Dulu kerja apa nak?</p> <p><b>Ramli:</b> Ooo... kerja kita bukan main teruk Pakcik.</p> <p><b>Sudin:</b> Siang malam tak dapat tidur...</p> <p><b>Azizi:</b> E...ya... Pakcik...</p> <p><b>Wak Mustar:</b> Kerja apa tu nak Ramli?</p> <p><b>Ramli:</b> <i>Kira bulu kambing...</i></p> <p><b>Wak Mustar:</b> Ikh...ikh...ikh... tak terkira itu nak... Aziz?</p> <p><b>Aziz:</b> Kerja saya berat sekali pakcik saing malam tak boleh baring...</p> <p><b>Wak Mustar:</b> Apa tu kerja?</p> <p><b>Aziz:</b> Kerjanya <i>menunggu ayam jantan bertelur</i> pakcik...</p> <p><b>Wak Mustar:</b> Ikh...ikh...ikh... Berapa lama nak menunggu?</p> <p><b>Aziz:</b> Entahlah pakcik...</p> <p><b>Wak Mustar:</b> Sudin?</p> <p><b>Sudin:</b> Ooo... Kerja saya merbahaya pakcik, saing malam berjaga-jaga sahaja...</p> <p><b>Wak Mustar:</b> Kerja apa?</p>

	<p><b>Sudin:</b> Kerja <i>sambung ekor beruang</i>...</p> <p><b>Wak Mustar:</b> Ikh...ikh...ikh salah salah beruang tu ngap...</p> <p><b>Sudin:</b> Kalau dia ngap...saya tinggal ngep</p>
Nasib Do Re Mi (1966)	<p><b>Doktor:</b> Sekarang awak dah sihat, jadi awak boleh keluar.</p> <p><b>Do:</b> Keluar tuan doktor, sebenarnya kita tak mahu keluar tuan doktor. Kita nak tinggal di sini sampai mati.</p> <p><b>Doktor:</b> Sampai mati? Sebab?</p> <p><b>Re:</b> Errr....sebab di sini makanpun ada, tempat tidur ada orang kemas, tuan doktorpun baik.</p> <p><b>Do/Re/Mi:</b> he...he...he...he...</p> <p><b>Mi:</b> Nurse sinipun cantik-cantik, muda-muda, baik dijaga kami. Jadi kami tiga orang ni dah lama <i>janda</i>. Bagilah can kami <i>berbini</i>, tuan doktor.</p> <p><b>Do/re/mi:</b> He...he...he...</p> <p><b>Doktor:</b> Tapi kamu mesti tahu di rumah sakit ni hanya untuk orang sakit.</p> <hr/> <p><b>Do:</b> Eh... sudahlah adakah Hang Tuah nak buat rumah di tengah-tengah hutan ni. Ini tahun berapa ni?</p> <p><b>Mi:</b> Eh... jangan cakap sebarang. Ini malam apa ni?</p> <p><b>Do:</b> Malam jumaat. Kenapa?</p> <p><b>Mi:</b> Jumaat? Hantu.....</p> <p><b>Re:</b> Tak usah takut.</p> <p><b>Do:</b> Hmm, kau yang bilang jangan takut, yang kau mengeletar ni kenapa?</p> <p><b>Re:</b> Demam... tak sedap badan...</p> <p><b>Do:</b> Ada kawanpun tak guna...jangan takut. Eh... setahu aku, kalau <i>rumah</i> di tengah-tengah <i>hutan</i> begini mesti ada <i>anak dara</i>, tau.</p> <p><b>Re:</b> Anak dara...</p> <p><b>Do:</b> Hai... dengar si anak dara, terus berhenti.</p> <p><b>Re:</b> Dah kebah. He...he... kalau ada anak dara tentu ada orang masak.</p> <p><b>Do:</b> Ya...ada beras.</p> <p><b>Re:</b> Kitapun lapar ...nak makan tak?</p> <p><b>Mi:</b> Bagus-bagus.</p>
Tiga Abdul (1964)	<p><b>Abdul Wahab:</b> Ah, saudara-saudari sekalian! Sekarang saya nak bagi satu teka-teki. Di atas langit, di bawah bumi, apa di tengah-tengahnya? Saudari?</p> <p><b>Gadis I:</b> Bulan.</p> <p><b>Abdul Wahab:</b> Bulan! Pasal saudara cantik macam bulan bukan? Dah ingatkan bulan aje. Tak betul. Saudari?</p> <p><b>Gadis II:</b> Angin.</p> <p><b>Abdul Wahab:</b> Eh! Kenapa pulak angin? Satu badan angin... eh! Salah! Saudari?</p> <p><b>Gadis III:</b> Hujan.</p> <p><b>Abdul Wahab:</b> Hujan? Hai...Mentang-mentanglah musim hujan, asyik ingat hujan aje. Salah tu. Yang betulnya, <i>tiga titik</i>.</p> <p><b>Semua gadis:</b> Wah!!!</p> <hr/> <p><b>Abdul Wahab:</b> Ah! Manisku Rafidah Segaraga. Ah, sudah lama kita tak berjumpa.</p> <p><b>Rafidah:</b> Kanda Abdul Wahab.</p> <p><b>Abdul Wahab:</b> Hmm!</p>

	<p><b>Rafidah:</b> Sejak pertemuan kita di malam itu, adinda sedikitpun tak dapat tidur, asyik teringat kanda saja.</p> <p><b>Abdul Wahib:</b> Aiii, kandapun lebih dahsyat dinda. Makan tak kenyang, <i>tidur takbasah, mandi tak lena</i>, pendek kata dalam seminggu dua ni, macam kapal nak masuk Dok.</p> <p><b>Rafidah:</b> Alah, kanda boraklah. Takkanlah kanda ingat pada dinda.</p>
--	---



Pengkaji telah membataskan dua data perbualan berimplisit bagi setiap filem. Hal ini demikian kerana menurut Idid (1992), pemilihan sampel yang terlalu banyak tidak menjamin ketepatan dapatan yang diinginkan dan memadai beberapa sampel sahaja kerana hasil dapatan yang diperoleh adalah sama. Kajian kali ini hanya membincangkan filem Ali Baba Bujang Lapok sebagai sampel kajian.

**Analisis data 1 (“jahit mayat”) (Rujuk Jadual 1)**

Pada tahap semantik skrip, pengkaji hanya memberikan makna secara literal sahaja. Secara literalnya, data tersebut menjelaskan bahawa Ali Baba telah mengarahkan Norsiah untuk membawa mayat Kassim Baba yang telah meninggal dunia ke tingkat atas. Ali Baba seterusnya mengarahkan Marjina untuk mencari tukang jahit untuk menjahit mayat Kassim Baba. Namun, makna pada tahap ini masih belum memadai dan perlu dikupas dengan lebih lanjut menggunakan analisis semantik resonans dan semantik inkuisitif untuk merungkai makna sebenar dihajati yang cuba disampaikan dalam filem ini.

Pada peringkat semantik resonans pula melibatkan gabungan data, teori dan keupayaan kognitif antara penutur dan pendengar bagi membantu merungkai alasan di sebalik penggunaan leksikal-leksikal tertentu dalam filem Ali Baba Bujang Lapok tersebut. Maka, gambaran kognitif diperlukan bagi melihat satu persatu leksikal konkrit yang digunakan dalam perbualan berimplisit dengan mengambil kira gambaran yang nyata dan bentuk logik (makna linguistik). Leksikal konkrit yang dipilih ialah [jahit] dan [mayat] seperti Jadual 2 berikut;

Jadual 2: Gambaran kognitif bagi leksikal [jahit] dan [mayat]

Leksikal	Jahit	Mayat
Rajah		
Definisi	Perbuatan menyambung sesuatu kain dan lain-lain dengan menggunakan jarum dan benang (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2016).	Tubuh orang yang telah meninggal (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2016).
Perbualan/ dialog berimplisit		

Pentafsiran makna sebenar dilakukan dengan mengaplikasikan teori relevans daripada Sperber dan Wilson (1986, 1995) yang mempunyai tiga konsep penting iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha proses bagi melihat tahap kerelevanan ujaran berdasarkan usaha memproses yang rendah. Teori relevans membenarkan kita mengemukakan andaian-andaian yang kukuh untuk sampai kepada maksud dihajati. Menurut Jalaluddin (2014), andaian mungkin

menyumbang kepada maklumat baharu yang tiada kaitan dengan maklumat sedia ada dalam konteks. Maklumat baharu akan digugurkan kerana terlalu lemah apabila tidak seinformatif langsung atau tidak relevans. Di samping itu, pengkaji juga menganalisis perbualan berimplisit dengan menggunakan RRS yang merupakan subkonsep dalam teori relevans.

Ali Baba: Sudahlah kanda, janganlah menangis. Kanda bukan tak tahu sudah berapa tahun saya tak nangis. hu...hu...hu...

Norsiah, bawaklah mayat ni ke atas. Pelan-pelan.(2x) Marjina!

Marjina! Marjina, kanda Kassim Baba sudah mati. Sekarang kau pergi cari tukang jahit. Untuk jahit mayat Kassim Baba. Lekas!

kalau dia tidak mau, berikan wang ini. Lekas.

Marjina: Baik, tuan

Rajah 2: Rang Rujuk Silang bagi data pertama

Berdasarkan Rangka Rujuk Silang di atas, maklumat “Kanda Kassim Baba sudah mati”, “pergi cari tukang jahit”, “kalau dia tak mau, berikan wang ini” telah membekalkan konteks menganalisis data jahit mayat tersebut.

Frasa “jahit mayat” masih kabur kerana mayat setidaknya dijahit oleh pakar dalam bidang tersebut dan bukan dijahit oleh tukang kasut apabila dilihat dalam konteks filem tersebut meskipun mayat perlu dikebumikan dengan kadar segera. Pekerjaan menjahit mayat tidak pernah didengari melainkan atas urusan doktor yang lebih arif dalam hal tersebut. Berdasarkan teori relevans, konteks merupakan seberkas andain yang wujud untuk sampai kepada makna dihajati. Oleh itu, konteks yang terkandung dalam data tersebut ialah menutup aib jenazah. Apabila berlakunya kematian, sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat untuk menziarahi jenazah dan keluarga si mati.

Menurut Hamid (2022), amalan tersebut mulia di sisi Islam kerana mampu memberikan sokongan moral kepada keluarga si mati yang sedang bersedih. Namun, apabila melihat keadaan jenazah dalam keadaan tidak sepatutnya pasti akan mengaibkan jenazah tersebut dan secara tidak langsung memalukan keluarga si mati. Perkara ini sejajar dalam Riwayat Muslim yang bermaksud “barangsiapa yang melakukan sebarang perbuatan yang mendedahkan aurat dan aib si mati, maka, dia dalam golongan mencerobohi maruah saudara muslimnya yang lain dan termasuk dalam perkara yang dibenci Allah dan Rasulnya” (Mazri, 2020). Maka, kesan kognitif yang telah terbina menerusi konteks tersebut diperkuat dengan maklumat tambahan menyebabkan usaha memproses maklumat adalah rendah dna kerelevanan ujaran tersebut adalah tinggi. Namun demikian, makna pada tahap ini juga masih belum memadai untuk merungkai kenapa leksikal jahit dan mayat digunakan? Oleh itu kajian ini diteruskan dengan analisis seterusnya iaitu semantik inkuisitif.

Apabila dikaji dengan lebih mendalam, timbul persoalan kenapa leksikal jahit dan mayat digunakan? Bagi menjawab persoalan tersebut, aplikasi semantik inkuisitif yang merupakan sebuah bidang multidisiplin yang melibatkan beberapa bidang lain diaplikasi bagi mendapatkan jawapan yang lebih konkrit dan dihajati. Kenapa leksikal jahit digunakan? Menurut Kamus Dewan Bahasa (2016), jahit didefinisikan sebagai satu perbuatan menyambung sesuatu seperti kain dan lain-lain dengan menggunakan jarum dan benang. Contohnya, menjahit baju yang koyak. Seseorang yang menggunakan baju yang koyak mampu mengaibkan si pemakai. Oleh yang demikian,

peranan menjahit penting kerana mampu menutup aib seseorang itu. Pemakaian seseorang menggambarkan ketakwaan bagi pemakainya. Pakaian takwa digariskan dalam Islam seperti menutup aurat, tidak mengundang fitnah serta mampu menjaga tubuh badan daripada sebarang kebinasaan (Saiman, 2020). Dapat disimpulkan bahawa perbuatan menjahit sesuatu yang koyak atau menyambung kain untuk menghasilkan satu produk baharu digambarkan sebagai perbuatan menutup sesuatu aib supaya tidak memalukan diri sendiri dan orang lain.

Leksikal jahit digandingkan dengan leksikal mayat. Kajian ini menelusuri bidang kesihatan. Kematian merupakan terhentinya fungsi vital tubuh badan seperti detak jantung, aktiviti otak dan penafasan. Setelah berlakunya kematian, terdapat beberapa perubahan yang ketara pada mayat seperti perubahan awal dan perubahan lanjut. Perubahan awal termasuklah kulit, mata, penurunan suhu badan, kaku dan lebam pada mayat, manakala perubahan lanjut pula seperti proses perubatan, pembentukan *adipocere* dan *mummifikasi* (Mohd Noor, 2019). Tuntasnya, perubahan dari segi fizikal iaitu perubahan awal jelas dapat dilihat dengan mata kasar. Apabila ditelusuri bidang keagamaan. Terdapat beberapa kaedah pengebumian mayat mengikut kepercayaan agama masing-masing. Contohnya, mayat orang Islam dikebumikan di tanah perkuburan, dibakar oleh masyarakat India, pengebumian kubur gantung oleh masyarakat Melanau Likow (Kang & Jusoh, 2021), pengebumian menggunakan balak kuno di Sabah (Sabin, 2010) dan sebagainya. Berdasarkan ajaran Islam, mayat perlu dikebumikan dengan kadar segera (Al-Bakri, 2022) dan sejajar dengan Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim;

“Bersegeralah kalian dalam menguruskan jenazah. Sekiranya dia merupakan jenazah yang soleh, nescaya dia merupakan suatu kebaikan yang kamu hantarkan kepadanya. Namun, sekiranya dia tidak soleh, maka, itu suatu keburukan yang kamu pikul di atas bahu-bahu kamu”.

Menyegerakan pengebumian jenazah menurut Syeikh “Illisy Al- Maliki berkenaan hadis di atas termasuklah proses memandikan, mengkafankan, mengangkat dan mengusungkan jenazah ke tanah perkuburan, namun tidak dikerjakan secara tergopoh-gapah kerana dikhuatiri menyukarkan orang lain untuk turut sama-sama menguruskan jenazah. Dapat disimpulkan bahawa mayat perlu dikebumikan dengan segera bagi menjaga aib mayat tersebut kerana kita tidak tahu pengakhiran hidup seseorang itu. Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu mempunyai pemahaman yang tinggi kepada lingkungan sekitarnya sehingga dapat mengaitkannya dengan penciptaan dialog tersebut. Kupasan leksikal jahit dan mayat ini sangat signifikan kerana kedua-dua leksikal tersebut kearah perbuatan menutup aib. Hal ini demikian kerana, menjahit mampu menutup cacat cela pakaian koyak, dan sifat mayat itu sendiri mengalami perubahan ketara selepas kematian. Kajian ini melihat perbuatan menjahit mayat juga dianggap salah satu usaha menutup aib yang boleh memalukan keluarga si mati di samping keluarga si mati juga akan bertambah sedih bukan setakat kematian keluarga, malah, kerana mulut celupar mulut tetamu yang hadir. Jelaslah bahawa leksikal jahit dan mayat merujuk kepada menutup aib. Maka, dialog ‘...untuk jahit mayat Kassim Baba’ sebenarnya memaparkan betapa tingginya falsafah dan akal budi masyarakat yang tersirat dalam dialog tersebut dan perlu diperhalus dengan tiga tahap analisis. Hal ini demikian kerana, Kassim Baba merupakan seorang penjenayah dalam Filem Ali Baba Bujang Lapok. Walaupun Kassim Baba seorang penjenayah, namun, mayatnya juga perlu diuruskan dengan cara yang baik kerana kita wajib menghormati mayat supaya tidak mengaibkan mayat si mati.

## **Analisis Data 2 ( “Jual candu ada lesen. Jual ganja ada lesen. Tetapi jual belacan tak ada lesen”) (Rujuk Jadual 1)**

Secara harfiahnya, data tersebut menerangkan adegan Marjina pergi ke sebuah kedai di pasar sayur untuk membeli

belacan, namun, penjual sayur tersebut memotong percakapan Marjina kerana dikhuatiri ditangkap oleh pihak polis. Menurut penjual sayur tersebut, aktiviti penjualan belacan tidak diberikan lesen, namun aktiviti penjualan candu ataupun ganja (dadah) diberikan lesen meskipun dijual oleh penyeludup. Makna pada tahap ini masih belum memadai untuk merungkai makna sebenar yang disampaikan dalam perbualan berimplisit tersebut.

Oleh itu, data tersebut seterusnya dianalisis lagi pada tahap semantik resonans dan semantik inkuisitif. Pada tahap semantik resonans, gabungan data, teori dan keupayaan kognitif penutur-pendengar diperlukan bagi membant merungkai alasan di sebalik penggunaan leksikal tersirat yang digunakan dalam dialog filem yang dikaji. Lekiskal konkrit yang dipilih bagi data 2 ini ialah [belacan] dan [dadah-ganja & candu] seperti Jadual 3 di bawah;

Jadual 3: Gambaran kognitif bagi leksikal [belacan] dan [dadah]

Leksikal	Belacan	Dadah (candu & Ganja)
Rajah		
Definisi	Sejenis bahan makanan yang dibuat daripada udang atau ikan-ikan kecil yang ditumbuk lumat untuk menyedapkan makanan; terasi (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016)	Bahan (seperti ganja, heroin, marijuana dan sebagainya) yang merosakkan dan membinasakan orang yang menggunakannya secara berlanjutan (merosakkan kesihatan dan membawa maut)
Perbualan/ dialog berimplisit		

Teori yang ampuh telah diaplikasi pada tahap ini iaitu teori relevans daripada Sperber dan Wilson (1986, 1995). TR mengetengahkan tiga konsep penting bagi memperlihatkan kerelevanan sesuatu ujaran berdasarkan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Di samping itu, teori relevans membenarkan pencarian makna berdasarkan andaian-andaian yang kukuh, maka, pelbagai andaian boleh wujud pada peringkat ini di samping data tersebut juga diinterpretasi dengan menggunakan Rangka Rujuk Silang seperti di bawah;

Penjual sayur: Assalamualaikum! cik siti mau beli apa?  
 Marjina: Saya mau beli belacan...  
 Penjual sayur: Bela.... Syissss! Jangan cakap kuat-kuat. Nanti polis tangkap sama saya.  
 Marjina: Jual belacan pun polis tangkap  
 Penjual sayur: Benar cik siti. Jual candu ada lesen. Jual ganja ada lesen. Tetapi jual belacan tak ada lesen. Saya semungger dari Malaya.  
 Marjina: Hmm...  
 Penjual sayur: Cik siti mau berapa bungkus.  
 Marjina: Satu!  
 Penjual sayur: Syyyyssss!

Rajah 2: Rangka Rujuk Silang bagi data kedua

Maklumat seperti “jangan cakap kuat-kuat”, “nanti polis tangkap sama saya”, “saya semunggler dari Malaya” telah membekalkan konteks untuk menganalisis data berimplisit berkenaan.

Ujaran “jual candu ada lesen. Jual ganja ada lesen. Tetapi jual belacan tak ada lesen” merupakan ujaran yang masih kabur kerana bertentangan dengan norma kehidupan. Dadah merupakan perosak bangsa dan negara. Berdasarkan teori relevans, konteks merupakan seberkas andaian untuk sampai kepada makna dihajati, maka, konteks yang terdapat dalam data merupakan pemerintahan yang tidak telus. Oleh sebab Marjina dan penjual sayur tidak mempunyai hubungan yang berkaitan, maka, mereka tidak berkongsi konteks yang sama dan menganggap ujaran tersebut jelas bertentangan dengan peraturan sebenar. Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa (2016), dadah didefinisikan sebagai bahan yang boleh membinasakan orang yang menggunakannya secara berlarutan, manakala, belacan pula didefinisikan sebagai sejenis bahan makanan yang diperbuat daripada udang atau ikan kecil yang ditumbuk lumat untuk menyedapkan makanan.

Jika dilihat fenomena hari ini, pengedar atau penyeludup dadah akan dijatuhkan hukuman berat sekiranya disabitkan kesalahan. Antara kesalahan tersebut termasuklah memiliki dan mengedar dadah yang membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup (Hashim, 2019). Pertentangan yang berlaku iaitu lesen hanya diberikan kepada pihak yang tidak sepatutnya menimbulkan ketidakpuasan hati masyarakat dan penonton. Maka, kajian ini melihat bahawa dialog tersebut lebih kepada menyindir atau menegur negara yang tidak menguatkuasakan undang-undang dengan cara yang betul dan telus. Perkara ini menjelaskan bahawa perkara salah dilakukan secara terang-terangan malah, perkara baik terpaksa dilakukan secara bersembunyi ibarat satu jenayah (Halid, 2019). Oleh itu, kesan kognitif yang terbina diperkukuh dengan maklumat tambahan menyebabkan usaha memproses data tersebut adalah rendah. Maka tahap korelevanan ujaran adalah tinggi. Namun, makna pada tahap ini masih belum dapat merungkai kenapa leksikal belacan dan dadah digunakan bagi menyindir pemerintahan tidak telus. Maka, kajian ini diteruskan dengan analisis semantik inkuisitif. Kenapa leksikal belacan digunakan? Menurut Kasdan et al. (2016), pekerjaan orang Melayu pada zaman dahulu merupakan nelayan dan petani. Maka, mudah bagi mereka mendapatkan hasil laut seperti udang dan ikan untuk menghasilkan belacan. Pembuatan belacan boleh dilakukan oleh semua orang meskipun prosesnya sedikit rumit. Pembuatan belacan bermula daripada pembersihan bahan utama, dicampurkan dengan garam (10% daripada isi bahan mentah), dikeringkan separuh kering untuk ditumbuk. Proses akhir pembuatan belacan ialah campuran yang ditumbuk dimasukkan ke dalam kain dan disimpan ke dalam bekas yang ditindih dengan pemberat. Tujuan utamanya adalah untuk memadatkannya ketika diperam selama seminggu ditempat sesuai (Hosnan, 2018). Penggunaan garam yang tinggi bertujuan mengawet belacan tersebut supaya tahan lebih lama dan tidak mudah rosak (Husin, 2010). Namun demikian, kandungan garam yang tinggi dalam belacan menyebabkannya tidak dapat dimakan dalam kuantiti yang banyak kerana doktor menyarankan supaya orang dewasa hanya mengambil 5g sahaja dalam sehari (Aziz, 2020). Oleh itu, orang Melayu menggunakan belacan untuk membuat sambal dan dimakan bersama nasi putih.

Berbeza pula dengan dadah yang digunakan secara positif atau negatif. Seseorang itu dianggap menyalahgunakan dadah apabila menggunakan dadah bukan atas tujuan perubatan dan terus-menerus menggunakan bahan tersebut sehingga menghadapi masalah ketika menggunakannya. Contoh dadah yang sering disalahgunakan adalah jenis narkotik, perangsang, hallusinogens, inhalants, dan marijuana. Manakala, dadah yang digunakan atas tujuan perubatan seperti ubat antibiotik yang disarankan oleh doktor untuk dihabiskan dalam kuantiti tertentu bagi mengelakkan berlakunya jangkitan semula. Perkara ini sejajar dengan tuntutan agama yang menyarankan supaya menjaga tubuh badan dengan baik (Kin & Ibrahim Tanim, 2012).

Apabila ditelusuri bidang sejarah, kajian Mohamad dan Zulkifli (2021) menjelaskan bahawa candu merupakan dadah kumpulan narkotik yang digunakan sebagai ubat tradisional ataupun moden. Pada dasarnya candu digunakan sebagai ubat pelali untuk pembedahan otak, namun telah disalahgunakan oleh orang Arab untuk mendapatkan ketenangan diri dengan berkhayal. Masalah penagihan dadah telah bermula sejak 1500 tahun sebelum masihi yang dipelopori oleh orang Mesir ataupun pedagang Arab sehingga tersebar luas ke India, China dan kawasan timur jauh sehingga ke Asia Tenggara. Kemasukan dadah ke Tanah Melayu secara besar-besaran bermula pada abad ke-18 yang turut dibawa oleh imigran Cina bagi memenuhi keperluan tenaga kerja sektor ekonomi seperti perlombongan bijih timah dan penanaman gambir. Imigran Cina telah menjadikan aktiviti menghisap candu sebagai tradisi mengurangkan tekanan perasaan dan keletihan setelah penat bekerja. Perkara ini secara tidak langsung telah mempengaruhi masyarakat lain seperti India dan Melayu untuk sama-sama menghisap candu tersebut.

Pada tahun 1910, British telah mengeluarkan lesen menjual candu kepada pembekal dadah semata-mata untuk mengaut keuntungan berdasarkan pengenalan kutipan cukai hasil daripada penjualan candu. Pihak British juga telah memperluas perusahaan candu dengan membuka lebih banyak ladang penanaman, kilang memproses serta rumah menghisap candu telah mendorong masyarakat Tanah Melayu ketagih dadah akibat penyalahgunaan dadah tersebut. Tujuan utama British melakukan perkara tersebut sebagai salah satu langkah menguasai pemerintahan dan sistem politik di Tanah Melayu. Kesannya, masyarakat Tanah Melayu menjadi masyarakat yang lemah, pemalas, dan berkhayal. Perkara ini membuka ruang dan peluang kepada British untuk menguasai pemerintahan mereka tanpa tentangan daripada rakyat Tanah Melayu. Oleh itu, kesihatan penghisap candu terjejas teruk, jenayah berleluasa, produktiviti kerja menurun serta pertimbangan diri tidak terkawal. Kesannya, aktiviti penagihan dadah masih lagi berleluasa sehingga ke hari ini kesan daripada aktiviti penyalahgunaan dadah suatu ketika dahulu (Mohamad & Zulkifli, 2021).

Berdasarkan kupasan di atas, dapat disimpulkan bahawa masyarakat zaman dahulu mempunyai pengalaman dan pemerhatian yang tinggi terhadap pemerintahan yang tidak adil melalui leksikal yang dekat dengan kita seperti belacan dan dadah. Hasrat British yang ingin menguasai Tanah Melayu secara keseluruhan terbatas atas faktor tidak dapat menafikan kuasa sultan-sultan Melayu sebagai pemerintah berdaulat berdasarkan beberapa siri perjanjian pada ketika itu (Ching, 1966). Oleh itu, pihak British mengambil kesempatan atas masalah dadah yang melanda untuk menguasai Tanah Melayu ketika itu. Maka, penggunaan kedua-dua leksikal tersebut sangat signifikan kerana dadah bersifat mengkhayalkan dan menjadi asbab berlakunya jenayah dan membuka peluang kepada pihak British untuk menguasai Tanah Melayu tanpa tentangan daripada penduduk Tanah Melayu itu sendiri. Berbeza dengan sifat belacan yang tidak membawa kepada masalah jenayah apatahlagi mengkhayalkan malah hanya memberikan masalah kesihatan jangka panjang jika diamalkan dalam kuantiti yang banyak secara berterusan. Oleh itu, leksikal belacan tidak sesuai dalam konteks menguasai Tanah Melayu melainkan digandingkan dengan leksikal dadah. British yang memerintah secara tidak adil demi kepentingan diri sendiri telah melaksanakan dasar pecah dan perintah. British membawa masuk buruh daripada China dan India secara tidak terkawal menyumbang kepada kemajuan ekonomi seperti perlombongan dan getah namun British membiarkan mereka mengekalkan identiti serta budaya masing-masing di samping perhubungan langsung dengan etnik-etnik lain di Tanah Melayu pula tidak digalakkan (Nordin & Hussiin, 2014). Dasar yang dibuat oleh British ini menyebabkan keadaan masyarakat di Tanah Melayu terpisah dan berlakunya keretakan hubungan antara etnik. Kesannya, pemerintahan tidak telus ini sebatian dengan masyarakat Melayu selepas British tidak lagi menjajah Tanah Melayu. Masalah ini perlu dibanteras dan kajian ini telah mengesan ketidaktelusan ini yang diketengahkan dalam filem Ali Baba Bujang Lapok menerusi dialog “jual candu ada lesen, jual ganja ada lesen. Tetapi jual belacan tak

ada lesen. Saya semungger dari Malaya” yang merujuk kepada pemerintahan tidak adil/telus itu. Maka, analisis tahap ini menunjukkan betapa tingginya falsafah dan akal budi masyarakat Melayu yang tersirat dalam dialog tersebut.

## KESIMPULAN

Konklusinya, hasil kajian mendapati bahawa filem-filem P. Ramlee banyak menggunakan perbualan berimplisit bukan sekadar berhibur semata-mata malah menengahkan sesuatu isu yang penting untuk dijadikan pengajaran dan iktibar kepada masyarakat. Makna pada peringkat skrip sahaja tidak memadai kerana makna tersebut hanya bersifat harfiah dan diketahui melalui data itu sendiri, begitu juga makna pada peringkat resonans juga masih bersifat abstrak dan belum memadai untuk merungkai makna dihayati. Oleh itu, aplikasi semantik inkuisitif yang merupakan bidang multidisiplin telah membantu merungkai persoalan yang bermain di minda berkenaan penggunaan leksikal-leksikal tertentu dalam perbualan masyarakat Melayu suatu ketika dahulu. Tuntasnya, kajian ini jelas mengandungi makna implisit yang mengandungi pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu. Maka, pengkaji berharap agar lebih banyak kajian terhadap karya seni P. Ramlee dijalankan dengan menggunakan semantik inkuisitif sebagai salah satu langkah memelihara khazanah agung milik negara.

## RUJUKAN

- Abdul Kadir, F. R., & Hamzah, Z. A. Z. (2017). Ujaran berimplisit dalam filem Melayu Klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6, 13-24.
- Abdullah, N. A. V., & Zainudin, I. Z. M. (2021). Aspek sosiologi filem Pendekar Bujang Lapok (1959). *Jurnal Melayu*, 487-505
- Al-Bakri, Z. M. (2022, Mac 21). #703 Sabung Ayam. *Portal MaktabahAlbakri*. <https://maktabahAlbakri.com/703-sabung-ayam/>
- Aziz, F. (2020, October 06). Suka letak banyak garam dalam masakan? Ini risiko yang boleh terjadi terutama buah pinggang anda. *Hellodoktor*. <https://hellodoktor.com/pemakanan/fakta-nutrisi/garam-impaknya-kepada-kesihatan/>
- Champoux, J. E. (2007). Film as a Teaching Resource. *Journal of Management Inquiry* 1999, 8(2): 240-251.
- Ching, O. H. (1996). Penggubalan Dasar British terhadap Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua. *Jebat*, 24, 85-100.
- Daud, M.Z., & Subet, M. F. (2019a). Sudah tidak tersudu oleh angsa baru diberikan kepada itik: Perspektif SI dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019b). Ayam (*Gallus-gallus domesticus*) dalam peribahasa Melayu: Analisis SI. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019c). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan SI. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 108-136.
- Firha, V. [Veronica Firha]. 92019, February 10). *Tips/Trik menjahit pakaian robek yang mudah dan cepat* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=ewENycaE7hM>
- Hedel, N. E. F., & Subet, M. F. (2021). Genre Perbualan Aneh dalam Hikayat Nakhoda Muda: Analisis semantik Inkuisitif. *LSP International Journal*, 8(1), 1-18.
- Hedel, N. E. F., & Subet, M. F. (2020). Peristiwa aneh dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis

SI. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 147-160.

- Hermendra, H., Sarudin, A., Citraresmana, E., Marni, S., Pernantah, P. S., & Zulhafizh, Z. (2022). Motif pucuk rebung pada tenun Melayu Riau: Analisis SI. *Jurnal Gramatika: Jurnal Penelitian Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 8(1), 112-125.
- Ho, W. S., & Jalaluddin, N. H. (2019). Bahasa kiasan dalam lagu “mati hidup semula”: Analisis SI. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231-258.
- Hashim, H. (2019, October 15). Undang-undang dadah. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/52137/undang-undang-dadah>
- Halid, A. (2019, November 13). Bahasa kiasan dalam filem P. Ramlee teguran terhadap masyarakat masa kini. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bahasa-kiasan-dalam-filem-p-ramlee-teguran-terhadap-masyarakat-masa-kini-222400>
- Hosnan, M. A. (2018, August 14). Belacan bakar-Jana pendapatan. *Anim Agro Technology*. <http://animhosnan.blogspot.com/2018/08/belacan-bakar-jana-pendapatan.html>
- Hamid, H. (2022, July 30). 7 Adab menziarahi jenazah dalam Islam. *Blog Aku Muslim*. <https://akumuslim.asia/7-adab-menziarahi-jenazah-dalam-islam/>
- Idid, S. A. (1992). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan Sains Sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ikwanblogger (2015, August 8). Pengajaran!!! Kisah mayat hidup semula. *Blogspot*. <http://ikwanw.blogspot.com/2015/08/pengajaran-kisah-mayat-hidyp-semula.html>
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dalam akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kang, S., & Jusoh, A. (2021). Manifestasi status sosial berdasarkan tradisi pengebumian tradisional masyarakat Melanau. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5(2), 63-75.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kin, F., & Ibrahim Tamin, N. S. (2012, April 27). Penyalahgunaan dadah. *Portal Myhealth kementerian kesihatan Malaysia*. <http://www.myhealth.gov.my/penyalahgunaan-dadah/>
- Kim, Y. Y. (2008). Intercultural personhood: Globalization and a way of being. *International*.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif (3rded.)*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Md. Nasir, M. R. (2020). *Memahami asal usul peribahasa Melayu*. Menhaji Resources.
- Md. Nasir, M. R., & Subet, M. F. (2019). Analisis SI peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instructuon*, 16(2), 227-253.
- Kasdan, J., Jalaluddin, N. H., & Ismail, W. N. W. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis SI. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 31-41
- Kamarudin, M. K., & Bahrain, I. R. K. (2021). Analisis pewarisan pusaka menurut Islam dalam filem klasik, Tiga Abdul. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(3), 178-198.
- Mazri, M. (2020, June 11). *Hukum menyebarkan gambar mayat orang yang telah meninggal dunia*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4538-irsyad-al-fatwa-siri-ke-519-hukum-menyebarkan-gambar-mayat-orang-yang-telah-meninggal-dunia>
- Mohamad Yasid, A. F., & Zulikfli, N. (2021). Ketagihan candu di Tanah Melayu sehingga tahun 1957. *Sejarah: Journal of the Fepartment of History*, 30(1), 128-142.
- Mohammad, M. S. F., & Saidi, S. (Eds.). (2021). *Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 2021*. Jabatan Pengajian Melayu Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan.
- Mohd Noor, S. (23 Ogos 2019). Perubahan awal kepada mayat selepas kematian. *Portal Myhealth kementerian kesihatan Malaysia*. <http://www.myhealth.gov.my/perubahan-awal-kepada-mayat-selepas-kematian/>
- Nordin, M., & Hussiin, H. (2014). *Pengajian Malaysia* (5th ed.). Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Md Sani, M. S. (2019, April 9). Belacan mesra pesawat. *Harian Metro*.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/442604/belacan-mesra-pesawat>

- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2018). Makanan ‘berangin’ dan ‘berbisa’ dalam peribahasa Melayu: Analisis SI. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(1), 27-40.
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2017). Refleksi dualisme “Durian-Timun” dalam peribahasa Melayu: Pendekatan SI. *Jurnal Linguistik*, 21(2).
- Open Minda (2012, November 24). Kenali pokok bunga popi (candu). *Blogspot*. <http://baca-blogspot.blogspot.com/2012/11/kenali-pokok-bunga-popi-candu.html>
- Pillai, S. P. K. (2017). Gerimis: Penggunaan Filem Tan Sri P. Ramlee sebagai kajian kes dalam kursus Komunikasi Antara Budaya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Al-Hikmah: Journal of Islamic Dakwah*, 9(1), 128-140.
- Sagkif Shek, S. Z., & Md. Dawam, Z. A. (2020). Komposisi tari Melayu dalam filem P. Ramlee Sumpah Orang Minyak (1958): Analisis terhadap tarian Tudung Periuk. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 10, 19-34.
- Saiman, M. Z. (2020, Mac 16). Islam dan pemakaian. *Harakahdaily*. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/03/16/islam-dan-pemakaian/>
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Postface relevance: Communication and cognition*. Blackwell.
- Syed Azmy, S. N. M. (Eds.). (2016). *Proceeding of Worksjop on High Impact Journal Writing and Publishing 2016*. Pusat Pengajian Bahasa Moden dan komunikasi, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Terengganu.
- Sabin, Y. S., Jusoh, A., Hasni, M. T., & Ramli, Z. (2018). Penemuan terkini bukti kebudayaan megalitik dan pengebumian tempayan di Sabah. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 31(2), 1-16.
- TimesofIndia (2020, July 1). Family mistakes Marijuana for Methi, hospitalized after eating ‘Ganja Subzee’. *India Times*. <https://timesofindia.indiatimes.com/life-style/food-news/family-mistakes-marijuana-for-methi-hospitalized-after-eating-ganja-subzee/articleshow/76730531.cms>